



Mesej dari Calvin Chia, Pengurus Operasi Kami :  
Terus Melayani Pelanggan Semasa Dan Selepas Covid-19

**Kepada penderma yang dihargai dan penderma yang berpotensi,**

Dengan rahmat Tuhan yang Maha Esa, semoga keselamatan dan kesihatan yang baik bersama anda dan semoga Dia juga memberikan ketabahan dan kekuatan kepada anda untuk melewati wabak ini tanpa kecederaan.

Seperti yang kita semua ketahui, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan dan menguatkuasakan langkah-langkah "Perintah Kawalan Pergerakan" yang akan berlaku secara mandatori dari 18 Mac hingga 28 April dan dilanjutkan lagi sehingga 12 Mei 2020 (di mana hanya penyedia perkhidmatan penting yang dibenarkan untuk meneruskan operasi) untuk meminimumkan penyebaran Virus Covid-19 disebabkan jumlah kes yang terus meningkat di seluruh dunia dan tempatan.

Walaupun semua kedai runcit kami ditutup dalam tempoh "PKP" ini, kami telah mengadakan pengaturan pecahan pasukan di pusat sumbangan kami. Semua pekerja mesti memakai topeng muka, menjalani pemeriksaan suhu dan menjaga kebersihan diri. Kami akan terus mengkaji dan menyesuaikan langkah-langkah kami seiring dengan perkembangan dan situasi semasa.

Kami ingin memberitahu anda bahawa pada masa-masa menduga ini, The Salvation Army tetap tabah dalam membantu banyak kumpulan yang terkesan dan memerlukan, misalnya Pekerja Asing dari asrama. Kami akan terus menjaga dan menyantuni mereka di luar wabak ini untuk menyediakan perkhidmatan penting dan program yang bermakna. Sehubungan dengan itu, usaha dan misi kami ini sangat memerlukan sokongan anda, seperti pakaian, kasut, topeng muka, karom atau permainan papan dan barangan lain (berkeadaan elok dan baik) yang disukai, terutama dalam masa yang mencabar ini. Anda boleh menjadi mercu harapan mereka dengan menyumbangkan barang-barang yang anda gemari hari ini pada bila-bila masa dan tahun-tahun mendatang untuk memastikan mereka terus mendapat sokongan yang sangat-sangat diperlukan.

Sepanjang tempoh PKP ini, anda mungkin mempunyai lebih banyak masa yang boleh mendorong dan membolehkan anda meneliti beberapa pembaikan rumah atau kerja-kerja yang tidak kemas di rumah. Kami memohon kepada anda untuk menyampaikan berkat anda kepada mereka yang lebih memerlukannya dengan membawa barang-barang yang anda sukai, yang masih berkeadaan baik ke The Salvation Army Donation Booths bagi penyaluran sumbangan kepada tujuan yang segera dan pantas.

Jika terdapat sebarang sumbangan atau cadangan, sila hubungi kami melalui WhatsApp : +6016 492 1078, E-mel : [donate4malaysia@smm.salvationarmy.org](mailto:donate4malaysia@smm.salvationarmy.org), atau Facebook (<https://www.facebook.com.my/RedShieldIndustriesMalaysia>)

Sungguhpun kami melakukan peranan yang tersebut, bersama dengan rakan-rakan kita di Malaysia untuk meminimumkan penularan Covid-19, kami tetap komited dalam melayani mereka yang memerlukan selama tempoh wabak ini. Dengan sokongan dan bantuan anda, kami amat berharap dapat menghadapi masa-masa sukar ini. Terima kasih atas sokongan anda yang lalu dan sangat mengharapkan sokongan berterusan dan derma anda yang banyak pada hari-hari mendatang.

Terima kasih sekali lagi, semoga sejahtera dan selamat hendaknya.

  
Calvin Chia  
Pengurus Operasi, Red Shield Industries Malaysia  
The Salvation Army Malaysia